



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Syariah (930)**



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 (2023), sebanyak 2 100 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.48% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.33	7.62	7.43	11.24	11.76	11.81	11.29	8.53	8.63	4.04	9.33

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah sederhana dan agak seimbang antara Bahagian A (Muamalat dan Munakahat) dan Bahagian B (Mirath dan Jenayah). Majoriti calon memilih soalan 1 dan soalan 3 pada Bahagian A (Muamalat dan Munakahat). Manakala bagi Bahagian B (Mirath dan Jenayah), majoriti calon menjawab soalan 4 dan soalan 6.

Majoriti calon membuat perancangan yang agak teliti sebelum menjawab soalan. Namun terdapat segelintir calon tidak membuat sebarang perancangan sebelum menjawab soalan terutamanya pada Bahagian B (Mirath dan Jenayah). Calon-calun yang menjawab kombinasi soalan 1, 3, 4, dan 6 mendapat markah yang baik, sedangkan calon yang menjawab soalan selain dari gabungan soalan-soalan tersebut mendapat markah yang kurang memuaskan.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat**

##### **Soalan 1**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan empat syarat barang jualan. Majoriti calon dapat menyatakan empat syarat barang jualan, iaitu:

- Wujud ketika akad jual beli
- Bernilai di sisi syarak/patuh syarak
- Bermanfaat menurut syarak dan uruf
- Mampu diserahkan
- Milik penjual
- Diketahui/tertentu

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum kontrak jual beli berserta dengan alasan bagi empat kes yang dikemukakan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segelintir calon yang menyatakan hukum dengan betul tetapi alasan yang diberikan adalah salah atau sebaliknya. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kes	Hukum	Alasan
(i)	Pembeli dipaksa membeli barang jualan	Tidak sah	Paksaan menafikan kerelaan/kebebasan membuat pilihan pihak membeli
(ii)	Tawaran dan penerimaan dibuat melalui telefon	Sah	Dianggap sebagai satu majlis akad/asal sahaja penerimaan dibuat segera
(iii)	Penjual secara bergurau menjual barang jualan	Tidak sah	Jual beli tidak dijalankan dengan kerelaan dan niat
(iv)	Penerimaan berlaku selepas penjual menarik balik tawaran	Tidak sah	Tawaran mestilah berterusan sehingga penerimaan dibuat

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukum jual beli air minuman melalui mesin air berbayar layan diri pada masa ini. Majoriti calon hanya menyatakan hukum jual beli bagi kes berkenaan tanpa membincangkannya secara terperinci. Selain itu juga, majoriti calon tidak menyatakan jenis jual beli bagi kes yang dikemukakan. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bil.	Perkara	Huraian
1.	Jenis jual beli	<i>Bay' mu'atah</i> kerana tiada lafaz akad
2.	Hukum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Imam Syafie – tidak sah kerana tiada lafaz akad</li> <li>• Pandangan lain – sah kerana ada kerelaan atau keperluan uruf</li> </ul>
3.	Pandangan/rumusan/kesimpulan calon	

## Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan **dua** syarat yang perlu dipenuhi dalam pertukaran barang *ribawi*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Punca utama ialah kelemahan calon dalam mengingat fakta tentang syarat pertukaran barang *ribawi*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Mesti sama dari segi kuantiti atau berat dalam pertukaran barang *ribawi* yang sama jenis (walau berbeza kuantiti dan harganya).
- Penyerahan dalam pertukaran barang *ribawi* yang sama jenis mesti dilakukan dalam satu masa atau satu majlis.
- Tunai

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan jenis riba berserta dengan alasan bagi empat permasalahan yang dikemukakan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan menepati kehendak soalan. Namun begitu, terdapat segelintir calon hanya mengemukakan jenis riba sahaja tanpa menyatakan alasan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bil.	Permasalahan	Jenis riba	Alasan
(i)	Encik A menjual 70g emas 999 kepada Encik B dengan bayaran 100g emas 916.	Riba <i>al-buyu'</i> jenis <i>al-fadhl</i>	Perbezaan kuantiti dalam pertukaran barangan <i>ribawi</i> kerana emas 999 dan emas 916 adalah daripada jenis emas yang sama walaupun kualitinya berbeza.
(ii)	Puan C menjual 1kg gandum kepada Puan D dengan bayaran 500g beras yang akan dibayar secara tangguh.	Riba <i>al-buyu'</i> jenis <i>al-nasa'</i>	Penangguhan masa penyerahan kerana gandum dan beras adalah daripada kategori yang sama, iaitu makanan.
(iii)	Cik E meminjamkan RM1000 kepada Cik F dengan meletakkan syarat bahawa Cik F mesti membayar kembali pinjaman itu sebanyak RM1300.	Riba <i>al-duyun</i> jenis <i>al-qardh</i>	Penambahan jumlah pembayaran ke atas hutang yang disyaratkan pada awal kontrak hutang.
(iv)	Encik G memberikan pinjaman kepada Encik H sebanyak RM1000 dan dikehendaki membayar kembali dalam tempoh sebulan. Setelah tamat tempoh sebulan, Encik H gagal membayar hutang Encik G. Oleh itu, Encik H dikehendaki membayar sebanyak RM1100.	Riba <i>al-duyun</i> jenis <i>al-jahiliyyah</i>	Penambahan jumlah pembayaran ke atas hutang yang dikenakan ke atas penghutang kerana kegagalannya membayar hutang dalam tempoh yang ditetapkan.

Soalan (c) menghendaki calon menganalisis perbezaan insurans konvensional dengan takaful. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon memfokuskan jawapan kepada hukum insurans konvensional dan takaful tanpa membuat analisis. Antara jawapan yang dikemukakan oleh calon yang tidak tepat adalah seperti berlaku penindasan atau kezaliman dalam insurans, mahal dan pelaksanaan tidak teratur. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Perbezaan	
Insurans konvensional	Takaful
Kontrak jual beli	Kontrak <i>tabarru'</i> yang disertakan dengan pelaburan.
Berlaku riba, <i>maisir</i> , dan <i>gharar</i> .	Tidak berlaku riba, <i>maisir</i> , dan <i>gharar</i> .
Peserta membayar premium kepada syarikat insurans.	Peserta membuat caruman ke dalam takaful. Peserta saling menjamin sesama sendiri di bawah skim takaful.
Syarikat insurans bertanggungjawab membayar manfaat insurans.	Syarikat takaful bertindak sebagai pemegang amanah dan membayar manfaat daripada kumpulan wang peserta.
Pencarum tidak berhak untuk mendapat sebarang bahagian dari lebihan untung.	Lebihan untung dipegang oleh tabung untuk dibahagikan semula kepada peserta.

### Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **empat** syarat perempuan yang harus dipinang. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat sebahagian calon menyatakan ciri-ciri perempuan yang sesuai dijadikan isteri seperti berakhlak mulia, anak dara, boleh melahirkan anak, bukan keluarga terdekat, dan beragama. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Bukan isteri orang.
- Bukan dalam iddah.
- Bukan mahram.
- Bukan tunangan orang.
- Bukan dalam ihram haji atau umrah.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kedudukan barang hantaran pertunangan sekiranya berlaku putus tunang menurut pandangan ulama. Secara umumnya, majoriti calon gagal mendapat markah yang baik. Kebanyakan calon hanya menyatakan satu atau dua pandangan ulama. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Hanafi – barang hantaran merupakan hibah yang boleh ditarik balik kecuali berlaku kerosakan pada barangan atau habis digunakan.
- Maliki:
  - Jika putus tunang berpunca dari lelaki, maka barang hantaran tidak perlu dikembalikan.
  - Jika putus tunang berpunca dari perempuan, maka pihak lelaki berhak minta kembali barang hantaran dan jika berlaku kerosakan, maka wajib diganti.
- Syafie dan Hambali – pihak lelaki sebagai pemberi hibah tidak berhak mengambilnya kembali.
- Pandangan rajih – pihak perempuan berhak terhadap barangan yang diberikan semasa pertunangan.

Soalan (c) menghendaki calon memberi alasan mengapa fuqaha mensyaratkan *kafa'ah* dalam pemilihan jodoh. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian jawapan calon hanya menyatakan *kafa'ah* dari segi agama, keturunan, harta dan sebagainya tanpa menjelaskan mengapa ia disyaratkan dalam pemilihan jodoh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Maksud *kafa'ah* ialah persamaan antara lelaki dan perempuan yang dilihat dari aspek keagamaan, keturunan, kekayaan, dan pekerjaan.
- Tujuan *kafa'ah* adalah untuk:
  - Mewujudkan persefahaman
  - Memudahkan proses asimilasi
  - Ketenangan dalam rumahtangga
- Pandangan/rumusan/kesimpulan calon

### BAHAGIAN B: *Mirath dan Jenayah*

#### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *hajib nuqsan* berserta dengan contoh. Majoriti calon dapat menerangkan maksud *hajib nuqsan*, iaitu pendindingan yang mengurangkan bahagian waris. Contoh *hajib nuqsan* adalah suami mendapat 1/4 jika si mati ada anak. Di samping itu, ada juga calon yang menerangkan maksud *hajib hirman* dan menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **empat** perbezaan antara orang yang dihijab dengan orang yang dihalang daripada mewarisi harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon memberikan jawapan yang berulang meyebabkan markah yang diperolehi berkurangan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Perbezaan	
Orang yang dihijab	Orang yang dihalang
Tidak dapat harta pusaka kerana ada waris lain yang lebih hampir dengan si mati	Tidak dapat harta pusaka kerana ada salah satu daripada halangan pewarisan
Contoh: Datuk dihijab oleh bapa	Contoh: Waris membunuh pewaris
Masih dianggap waris namun terhijab oleh waris lain	Tidak dianggap waris sama sekali
Boleh menghijab waris lain walaupun ia terdinding	Tidak memberi kesan kepada waris lain bahkan dianggap tidak wujud

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan pembahagian harta pusaka seorang perempuan yang meninggal dunia dengan meninggalkan suami, ibu, bapa, dan seorang saudara lelaki seibu. Harta peninggalan si mati bernilai RM240,000.00. Majoriti calon dapat memberikan jawapan dengan tepat. Namun begitu masih terdapat calon yang keliru dengan bahagian ibu dengan memberi jawapan 1/6. Sedangkan jawapan yang dikehendaki adalah 1/3 baki. Selain itu, masih ada calon yang tidak dapat menghuraikan alasan atau sebab perolehan bahagian para waris dengan tepat. Ini menyebabkan sebahagian calon kehilangan markah dan tidak mendapat markah yang baik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

		6	RM240,000.00	Huraian
Suami	1/2	3	RM120,000.00	Tiada anak keturunan
Ibu	1/3 baki	1	RM40,000.00	Kes <i>umariyyatain</i>
Bapa	<i>Asabah</i>	2	RM80,000.00	Tiada anak keturunan lelaki
Saudara lelaki seibu	<i>Mahjub</i>	–	–	Dihijab oleh bapa

$$1 \text{ saham} = \text{RM}240,000.00 \div 6 = \text{RM}40,000.00$$

### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian *bughah* berserta dengan dalil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat segelintir calon tidak dapat menyatakan dalil *bughah* dengan tepat bahkan ada juga calon langsung tidak memberikan dalil. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pengertian <i>bughah</i>	Perbuatan menentang atau memberontak terhadap pemimpin kerajaan Islam yang adil dengan menggunakan kekerasan.
Dalil <i>bughah</i>	وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا ۚ فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَىٰ فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ ۚ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga unsur penting dalam jenayah *bughah*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun majoriti calon menjawab dengan mencampurkan antara unsur penting dengan ciri-ciri *bughah*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Perbuatan menderhaka  
Enggan akur terhadap perintah ketua negara atau imam sama ada perintah tersebut berkenaan tanggungjawab terhadap Allah atau hak sesama manusia.
- Penentangan secara kekerasan
  - Menggunakan kekerasan dan kekuatan
  - Menimbulkan huru-hara
  - Berkumpul dan berhimpun sahaja tidak dikatakan ada penentangan kecuali Abu Hanifah sebaliknya.
- Berniat melakukan jenayah  
Ada niat untuk menggulingkan pemerintah yang adil atau ingkar kepada tanggungjawab selagi ia tidak bersifat maksiat.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukuman ke atas pesalah jenayah *bughah*. Hanya sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat juga calon yang menjawab hukuman *bughah* seperti hukuman *hirabah*. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Sekiranya penentang tidak berundur setelah mengadakan perdamaian, mereka hendaklah diperang walaupun hingga membunuh, mencederakan dengan apa cara yang boleh dilakukan untuk mengalahkan mereka dan menyuruh mereka kembali taat kepada pemerintah.
- Hukuman bagi pemberontak selepas dapat ditawan/dikalahkan oleh pemerintah ialah hukuman takzir. Nyawa dan harta benda mereka dijamin tidak akan diapa-apakan oleh pemerintah. Pemerintah juga harus memberi pengampunan kepada mereka.
- Hukuman juga dikenakan mengikut kesalahan yang dilakukan ketika *bughah* berlaku.
- Pandangan/rumusan/kesimpulan calon

## Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud rogol dan satu perbezaan antara jenayah rogol dengan zina. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikemukakan menepati jawapan yang sepatutnya, iaitu:

Maksud rogol	Menyetubuhi perempuan dengan cara paksaan.
perbezaan antara jenayah rogol dengan zina	Rogol ada unsur paksaan manakala zina atas dasar suka sama suka antara lelaki dan perempuan.



Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **empat** syarat pelaksanaan hukuman ke atas pesalah rogol. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segelintir calon hanya menjelaskan dua atau tiga syarat sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Baligh
- Berakal
- Muslim
- Sukarela
- Persetubuhan sesama manusia
- Tiada keraguan/kesamaran dari segi bukti
- Perempuan yang disetubuhi bernyawa
- Persetubuhan itu benar-benar berlaku
- Perogol bukan suami kepada mangsa
- Hukuman dijalankan di tempat yang disaksikan oleh orang ramai
- Perogol mengetahui perbuatan rogol itu adalah haram

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah rogol berdasarkan hukuman hudud zina dan *hirabah*. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Tiada calon yang berjaya mendapat markah penuh. Soalan ini sangat mengelirukan calon kerana antara hukuman hudud zina dengan *hirabah* adalah satu hukuman yang agak jauh berbeza. Ini kerana had *hirabah* adalah lebih hampir kepada had mencuri. Walau bagaimanapun, ada calon yang kaitkan antara had zina dengan *hirabah*, namun ramai calon yang langsung tidak menghubungkan jawapan mereka dengan had *hirabah*. Terdapat juga segelintir calon yang hanya menyatakan had *hirabah* tanpa dikaitkan dengan perbuatan rogol tersebut. Jawapan yang lengkap adalah seperti berikut:

- Hukuman pesalah rogol berdasarkan had zina ialah jika perogol adalah *muhsan*, maka direjam sampai mati dan jika perogol adalah *ghair muhsan*, maka disebat 100 kali.
- Manakala hukuman pesalah rogol jika melibatkan had *hirabah* pula ialah sekiranya perogol tersebut merogol dan membunuh, maka akan dikenakan hukuman had zina dan dibunuh serta disalib.
- Sekiranya perogol melakukan rogol dan rompak barang mangsa tapi tak bunuh, maka hukumannya had zina dan potong tangan dan kaki secara bersilang.
- Sedangkan jika perogol merogol dan mengancam mangsa, maka hukuman had zina dan takzir dikenakan.
- Pandangan/rumusan/kesimpulan calon

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 (2023), sebanyak 1 977 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.26% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.88	8.65	9.86	11.23	10.67	10.57	8.40	8.90	6.51	5.39	8.95

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara umumnya, mutu kertas soalan adalah baik dan mencapai tahap kesesuaian calon pada peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi soalan yang mudah, sederhana, dan sukar serta memenuhi tahap soalan KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi). Keadaan ini membolehkan perbezaan dibuat antara calon yang baik dengan calon yang lemah.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan (a) yang merupakan soalan aras rendah dengan agak baik. Namun didapati kebanyakan calon mendapat markah sederhana sahaja bagi soalan (b) dalam bahagian Usul Fiqh untuk soalan 2 dan 3, seolah-olah kurang terdedah dengan lebih daripada 1 contoh bagi soalan 2(b). Manakala bagi soalan (b) pada bahagian Kaedah Fiqh, calon kebanyakannya boleh menjawab dengan baik sehingga mereka berjaya mendapatkan markah yang baik.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Usul Fiqh**

##### **Soalan 1**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan syarat sah ijmak. Kebanyakan calon tidak mendapat markah penuh untuk soalan ini. Calon memberikan jawapan syarat *mujtahid* seperti *mujtahid* tidak fasiq dan berlaku adil, *mujtahid* menguasai ilmu bahasa Arab, dan *mujtahid* mestilah beragama Islam dan baligh.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Ahli ijmak terdiri daripada ulama *mujtahidin*.
- (ii) Permuafakatan berlaku secara persetujuan semua ulama dan tiada yang menentang.
- (iii) Ulama terdiri daripada umat Nabi Muhammad SAW.
- (iv) Hukum yang disepakati adalah hukum syarak, bukan hukum akal atau bahasa.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua pembahagian ijmak yang dipersetujui oleh ulama. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai calon yang mendapat markah yang banyak walaupun tidak penuh untuk soalan ini. Calon kehilangan satu markah kerana tidak menulis perkataan “*kesepakatan*” semua ulama seperti yang dikehendaki. Akibatnya calon tidak mendapat markah penuh untuk soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Ijmak *soreh* ialah permuafakatan semua ulama *mujtahid* dengan jelas pada satu masa tertentu dalam masalah hukum di mana semua mengeluarkan fatwa sama ada dalam bentuk perbuatan atau perkataan.
- (ii) Ijmak *sukuti* ialah kesepakatan sebahagian ulama mengeluarkan pendapat mereka atau sesuatu hukum sedangkan sebahagian lagi mendiamkan diri dan tidak menentanginya.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan pandangan ulama tentang kedudukan ijmak sebagai sumber hukum. Kebanyakan calon hanya memberikan pandangan ulama terhadap kedudukan ijmak secara umum sahaja. Calon tidak membezakan kedudukan ijmak *soreh* dengan ijmak *sukuti*. Hal ini menyebabkan calon kehilangan markah yang besar kerana:

- (i) Gagal membuat perbezaan pandangan ulama terhadap kedudukan ijmak *soreh* dan ijmak *sukuti*.
- (ii) Gagal memberikan dalil naqli.
- (iii) Gagal memberikan alasan terhadap pandangan ulama yang dikemukakan.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Juhur ulama bersepakat ijmak *soreh* adalah hujah yang diyakini (*qat'ie*). Wajib berpegang dengannya dan haram mengingkarinya.  
Dalil: لا تجتمع أمتي على ضلالة
- (ii) Sebahagian ulama tidak menerima ijmak *sukuti* sebagai hujah.  
Alasan: Berdiam diri tidak semestinya bersetuju, kemungkinan gerun atau dikhuatiri akan mendapat mudarat jika memberikan pandangan.
- (iii) Majoriti ulama usul fiqh menerima ijmak *sukuti* sebagai hujah sama ada sebagai dalil *qat'ie* atau *zanni*.  
Alasan: Berdiam diri menunjukkan mereka bersetuju dengan apa yang mereka dengar, berkemungkinan mendiamkan diri itu disebabkan perkara lain adalah jauh, kerana mereka adalah ulama yang berani menyatakan kebenaran tanpa mengambil kira apa yang mereka tempuhi.
- (iv) Kesimpulan

## Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *istihsan*. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini namun tidak lengkap. Contohnya, *istihsan* ialah menukarkan sesuatu hukum *kulli* kepada hukum pengecualian atau daripada dalil umum kepada dalil khusus. Tanpa menyebut kerana ada dalil yang menyebabkan *mujtahid* memindahkannya. Akibatnya calon kehilangan satu markah.

Soalan (b) menghendaki calon menuliskan tiga contoh *istihsan* dengan nas berserta dengan nas. Calon cemerlang boleh memberikan nas berserta penerangan dengan jelas namun tidak ada seorang pun calon mencapai tahap ini. Kebanyakan calon berada pada tahap sederhana, yang hanya mampu memberikan dua contoh sahaja tanpa nas al-Quran atau hadis. Manakala calon lemah tidak mampu

memberikan nas yang berkaitan, hanya sekadar contoh sahaja seperti jual beli salam, *istisna'* dan wasiat tanpa memberikan nas dan tanpa penerangan tentang *istihsan* dalam jual beli tersebut.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

(i) Jual beli salam

Dalil: من أسلف سلفاً فليسلف في كيل معلوم ووزن معلوم إلى أجل معلوم

Huraian dalil/ccontoh

(ii) Puasa

Dalil: إذا أكل الصائم ناسياً أو شرب ناسياً فليتم صيامه فإنما أطعمه الله وسقاه

Huraian dalil/ccontoh

(iii) Wasiat

Dalil: من بعد وصية يوصى بها أو دين

Huraian dalil/ccontoh

Soalan (c) menghendaki calon memberikan pandangan ulama tentang kedudukan *istihsan* sebagai sumber hukum. Calon cemerlang berjaya memberikan pendapat ulama sama ada menerima atau menolak *istihsan* sebagai sumber hukum berserta dengan alasan yang berupa dalil atau alasan yang kukuh. Kebanyakan calon mengalami ketirisan markah sama ada gagal memberikan dalil atau gagal mengulas dengan tepat.

Soalan ini juga meminta calon membuat kesimpulan pada jawapan yang diberikan. Namun masih ada calon yang gagal memberikan kesimpulan yang berkaitan dengan soalan menyebabkan ketirisan markah dan atau tidak mendapat markah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

(i) Ulama menerima

Dalil Al Quran: واتبعوا أحسن ما أنزل إليكم من ربكم

Dalil Hadis: فما رآه المسلمون حسناً فهو عند الله حسن

Dalil ijmak: Sebahagian ulama bersepakat bahawa *istihsan* boleh dijadikan hujah dalam perkara tertentu demi menjaga kemaslahatan dan mendatangkan kebaikan.

(ii) Ulama menolak

Dalil: فإن تنازعتم في شئ فردوه إلى الله والرسول

Dalil akal: Sekiranya *mujtahid* boleh mengeluarkan hukum yang tidak ada nas, maka orang awam pun boleh berbuat begitu dan ini membuka ruang kepada hawa nafsu dan fikiran semata-mata.

Kesimpulan

### Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud “mengerah sepenuh usaha dan tenaga” dalam pengertian ijtihad. Sebahagian calon memahami maksud ungkapan dan mampu menulis dalil dengan baik. Kebanyakan calon mampu menulis dalil dengan baik. Sebahagian besar calon tidak memahami maksud sebenar ungkapan menyebabkan mereka hanya menerangkan mengenai usaha sahaja.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Mencari keseluruhan permasalahan dalam al-Quran dan *al-Sunnah* berserta dengan syarat yang dipenuhi kesemuanya. Mana-mana dalil ijtihad diterima.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan syarat menjadi *mujtahid* yang mutlak. Kebanyakan calon menerangkan syarat menjadi *mujtahid* yang mutlak berserta huraian dengan baik. Segelintir calon memberikan isi yang sama seperti Islam, baligh, dan berakal menyebabkan mereka kehilangan markah bagi isi yang berulang.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Menguasai ilmu bahasa Arab + huraian
- (ii) Menguasai ilmu usul fiqh + huraian
- (iii) Menguasai ilmu al-Quran + huraian
- (iv) Menguasai ilmu hadis + huraian
- (v) Islam/mukallaf/berakal + huraian
- (vi) Adil + huraian

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan aplikasi ijtihad dalam penentuan Hari Raya Aidilfitri. Terdapat calon yang mampu menjawab dengan baik tetapi sebahagian calon hanya menerangkan cara menentukan Hari Raya Aidilfitri secara terperinci tanpa mengaitkannya dengan ijtihad.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Tiada nas *qat'ie* berkenaan penentuan awal Syawal kerana tidak disebut dalam nas.
- (ii) Ada ruang untuk berijtihad.
- (iii) Berusaha sedaya mungkin untuk menentukan 1 Syawal.
- (iv) Penentuan 1 Syawal sama ada melalui *rukayah* atau hisab.

## **BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh**

### **Soalan 4**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud kaedah *لا يزال بالمشك اليقين* berserta dengan dalil. Kebanyakan calon menerangkan maksud kaedah dengan baik. Mereka juga mampu menulis dalil sebagaimana yang dikehendaki. Makanala segelintir calon hanya memberikan satu dalil sahaja sedangkan soalan menghendaki dua dalil.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Maksud: Sesuatu perkara yang diyakini berlaku atau tidak berlaku, maka sebarang keraguan yang datang kemudian untuk meragui keyakinan itu tidak diambil kira.

Dalil: mana-mana dalil mengenai kaedah ini diterima

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kaedah terbitan berserta dengan contoh. Kebanyakan calon mampu menerangkan maksud kaedah dengan baik. Segelintir calon menerangkan contoh yang tidak berkait dengan kaedah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Maksud: Kekal sesuatu itu berdasarkan keadaan sebelumnya.

Contoh: Seseorang makan di siang hari ketika berpuasa dan merasa syak sama ada matahari telah terbenam atau belum, maka puasanya batal kerana pada asalnya matahari belum terbenam.

(ii) Maksud: Asal sesuatu kalimah berdasarkan maksudnya yang hakiki.

Contoh: Seseorang yang mewakafkan harta untuk anaknya, maka cucunya tidak termasuk kerana maksud hakiki perkataan itu adalah anaknya sahaja.

(iii) Maksud: Asal sesuatu diambil kira daripada masa yang paling hampir.

Contoh: Seseorang yang berwuduk daripada sebuah perigi untuk beberapa hari. Pada hari berikutnya, dia mendapati terdapat bangkai dalam perigi tersebut. Maka beliau tidak wajib menggantikan semua solat yang telah ditunaikannya dengan wuduk terakhir yang dia yakin berwuduk dengan air najis.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan masalah dan kaitannya dengan kaedah terbitan yang bersesuaian.

Kebanyakan calon mampu menghuraikan masalah dan mengaitkannya dengan kaedah terbitan yang betul manakala segelintir calon mengaitkannya dengan kaedah yang tidak tepat dan tidak menghurai masalah yang diberi dengan betul.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

(i) Kaedah – الأصل براءة الذمة

Huraian – diterima penafian penyimpan kerana asalnya penyimpan bebas daripada tanggungjawab membayar ganti rugi.

(ii) Kaedah – الأصل العدم

Huraian – Pengakuan pengusaha diterima kerana asalnya pelaburan itu tiada keuntungan.

### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud kaedah *يزال الضرر* berserta dengan dalil. Calon dikehendaki memberi penjelasan tentang maksud kaedah tetapi calon hanya menyatakan maksud sahaja dan untuk dalil, ada calon menyatakan dalil dengan tepat walaupun ada yang tersalah menulis hadis. Keseluruhannya calon dapat menjawab dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah:

Maksud: Apabila berlaku kemudharatan dalam pensyariatian dalam sesuatu hukum, maka hendaklah diusahakan agar kemudharatan hilang.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan kaedah terbitan *لا يزال بالضرر* berserta dengan dua contoh. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan memberi satu contoh sahaja menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh dan ada yang menjawab dengan contoh kaedah lain. Jawapan yang sepatutnya ialah:

Maksud: Kemudharatan hanya boleh dihilangkan dengan kemudharatan yang lebih rendah, tidak boleh dihilangkan dengan yang sama dengannya atau lebih mudarat.

Contoh 1: Seseorang yang dalam kebuluran tidak boleh mencuri atau mengambil makanan orang lain yang juga dalam keadaan kebuluran kerana kebuluran itu adalah satu kemudharatan yang sama.

Contoh 2: Seseorang dipaksa membunuh orang lain, jika dia tidak melaksanakannya, dia pula akan dibunuh. Dia tetap tidak boleh membunuh, kerana kemudharatan yang ingin dihilangkan dari dirinya akan terkena pada orang lain.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan pensyariatian *ijarah* dengan menggunakan kaedah *يزال الضرر*:

Kebanyakan calon tidak dapat mengaitkan antara akad *ijarah* dan kaedah. Mereka juga menghuraikannya tanpa mengikut kaedah menyebabkan jawapan mereka tersasar dan tidak mendapat markah. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Kaedah yang terpakai dalam permasalahan *ijarah* ialah الحاجة تنزل منزلة الضرورة.
- (ii) Akad *ijarah* dibenarkan oleh syarak walaupun ia bersalahan dengan *qiyas* atau hukum asal yang menetapkan sesuatu akad tidak boleh dilakukan terhadap sesuatu yang belum wujud semasa akad.
- (iii) Akad *ijarah* dibenarkan kerana keperluan manusia kepada akad seumpama itu, sekiranya tidak dibenarkan mengakibatkan kesulitan yang tinggi.
- (iv) Oleh itu, disamakan dengan keadaan darurat yang membolehkan sesuatu akad walaupun ianya dilarang bagi mengelakkan kemudaratan atau kesulitan.

### Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud kaedah المشقة تجلب التيسير berserta dengan dalil. Calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dengan menyatakan maksud, huraian serta dalil yang tepat dan kebanyakan calon mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya ialah:

Apabila terdapat sesuatu kesusahan atau kesulitan dalam melaksanakan perintah Allah SWT, maka perintah itu diringankan tidak seperti asal.

Dalil: يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat jenis keringanan dalam syarak. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mendapat markah penuh dengan menyatakan jenis keringanan dan huraian berserta dengan contoh yang tepat. Walau bagaimanapun, ada segelintir calon yang memberikan jenis contoh justeru menyebabkan calon tidak mendapat markah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) *Takhfif isqat*: keringanan yang mengugurkan kewajipan.  
Contoh: Digugurkan kewajipan haji dan umrah disebabkan keuzuran.
- (ii) *Takhfif tanqis*: keringanan dengan mengurangkan bebanan.  
Contoh: Memendekkan bilangan rakaat solat zohor/asar/isyak kepada dua rakaat sahaja.
- (iii) *Takhfif ibdal*: keringanan dengan gantian atau pertukaran.  
Contoh: Digantikan mandi wajib atau wuduk dengan tayammum.
- (iv) *Takhfif taqdim*: keringanan dengan mendahulukan.  
Contoh: Melakukan solat secara jamak *taqdim*.
- (v) *Takhfif ta'khir*: keringanan dengan melewatkan.  
Contoh: Melakukan solat secara jamak *ta'khir*.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan permasalahan yang berikut dan kaitkan dengan kaedah yang bersesuaian. Secara keseluruhan, calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat sebahagian calon yang tidak memberikan alasan atau kaitan yang tepat dengan kaedah terbitan kerana kebanyakan calon mengambil soalan sebagai alasan yang menyebabkan calon kehilangan markah bagi peruntukan alasan/kaitan.

- (i) Encik A menunaikan solat zohor empat rakaat apabila sampai ke rumah daripada permusafiran.  
Kaedah terbitan: إذا اتسع الأمر ضاق  
Kelonggaran menunaikan solat secara jamak dan qasar telah berakhir apabila musafir telah selesai dan perlu menunaikan solat seperti biasa.
- (ii) Puan B makan ubat yang diekstrak daripada bahan haram kerana ubat daripada bahan yang halal tersangat mahal.  
Kaedah terbitan: إذا ضاق الأمر اتسع  
Kelonggaran memakan ubat yang diekstrak daripada bahan haram seperti babi dibenarkan apabila terdapat halangan untuk membeli ubat yang diperbuat daripada bahan halal yang sangat mahal kerana perlu dimakan secara rutin.
- (iii) Datuk C menunaikan solat Jumaat seperti biasa apabila Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.  
Kaedah Terbitan: إذا اتسع الأمر ضاق  
Kelonggaran untuk tidak menunaikan solat Jumaat ketika PKP demi mengelakkan jangkitan wabak COVID-19 telah berakhir apabila pemerintah mengumumkan PKP sudah berakhir dan perlu solat Jumaat seperti biasa setiap minggu.
- (iv) Cik D tidak berpuasa pada bulan Ramadan kerana sakit gastrik yang teruk.  
Kaedah Terbitan: إذا ضاق الأمر اتسع  
Kelonggaran untuk tidak berpuasa pada bulan Ramadan diberikan apabila terdapat halangan, iaitu sakit gastrik yang teruk.



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3 (2023), sebanyak 1 960 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 74.19% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	18.06	7.91	7.96	8.83	12.40	8.42	10.61	4.90	5.71	3.57	11.63

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara umumnya, aras kesukaran kertas soalan adalah amat baik dan pelbagai. Soalan yang dibina adalah mengikut aras soalan yang tepat. Jika kita lihat pada soalan (a), iaitu aras yang rendah di mana calon diminta untuk menjawab dari segi konsep sesuatu ilmu yang dipelajari. Bagi soalan (b) pada aras yang sederhana, di mana calon diminta menghuraikan sesuatu konsep dengan lebih mendalam bagi sesuatu topik disamping memberikan hujah-hujah bagi mengukuhkan fakta yang diberikan. Pada aras ini dapat lihat bagaimana calon menggunakan gabungan ilmu yang sedia ada dan memberikan penghuraian berpandukan ilmu yang telah dipelajari. Pada soalan (c) pula, soalan berada pada aras yang tinggi di mana meminta respon jawapan yang lebih mendalam dari segi aplikasi hukum atau memberi alasan kepada permasalahan yang diberikan serta calon diminta untuk memberikan kesimpulan terhadap jawapan yang diberikan.

Soalan pada tahun ini adalah baik dan menepati sukatan dan soalan adalah relevan dan tidak menyimpang daripada sukatan pelajaran. Soalan yang yang diberikan cukup menguji minda calon. Kemahiran mengaplikasikan maklumat sedia ada calon berdasarkan apa yang dipelajari oleh calon di sekolah. Soalan-soalan yang dikemukakan juga mempunyai kaitan yang sinonim dan bersesuaian dengan pengalaman dan pengetahuan asas calon. Arahan soalan yang diberikan juga jelas dan mudah difahami oleh pelajar terutama pada setiap soalan yang diberikan.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Ayat Ahkam**

##### **Soalan 1**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan munasabah ayat 3, surah al-Nisa' dengan ayat sebelumnya, iaitu:

وَأَتُوا الْيَتَامَىٰ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَتَبَدَّلُوا الْخَبِيثَ بِالطَّيِّبِ وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَهُمْ إِلَىٰ أَمْوَالِكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا

Majoriti calon hanya memberikan jawapan makna atau maksud ayat 3 dengan memfokuskan jawapan kepada keharusan berpoligami dan bilangan isteri yang diharuskan, iaitu 2, 3, atau 4 orang sahaja. Ada sebahagian calon langsung tidak menyatakan atau menerangkan tentang larangan memakan harta anak yatim.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga hukum yang boleh diistinbat daripada ayat 3 dan 4, surah al-Nisa'. Sebahagian calon dapat menjelaskan tiga hukum yang boleh diistinbat daripada ayat 3 dan 4, surah al-Nisa'.

Terdapat juga calon yang menjawab tidak menyatakan hukum secara jelas. Hanya pernyataan umum sahaja tanpa menyatakan hukum sama ada harus, wajib atau haram. Kesan daripada kelalaian calon yang tidak memahami dan meneliti kehendak soalan, maka ada di antara calon hanya mendapat sebahagian markah sahaja dan ada yang langsung tidak memperoleh markah kerana hukum yang dinyatakan tidak termasuk dalam ayat 3 dan 4 seperti yang dikehendaki dalam soalan.

Terdapat juga calon menjawab tiga hukum yang boleh diistinbat daripada ayat 3 dan 4, surah al-Nisa' dengan betul tetapi tidak menghuraikan seperti kehendak skema pemarkahan. Kesannya, pelajar hanya mendapat markah untuk isi sahaja.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan empat kesan positif amalan poligami kepada umat Islam. Aras soalan tidak terlalu sukar tetapi ramai calon hanya dapat menjawab dua kesan positif yang betul dan tepat berdasarkan skema. Dua kesan tersebut ialah meramaikan zuriat dan mengelakkan berlakunya zina.

Sebahagian calon menjawab meramaikan anak/zuriat dan menambah bilangan umat manusia/umat Islam. Jawapan seperti ini tepat namun dikategorikan sebagai jawapan satu isi sahaja. Ini menyebabkan ketirisan markah berlaku.

Kesan positif pertama seperti dalam skema (mengurangkan bilangan anak dara tua) seperti hampir tiada daripada calon. Sebaliknya calon ramai yang mengemukakan jawapan dapat mengeratkan silaturrahim antara keluarga isteri-isteri. Namun jawapan tersebut tidak tersenarai sebagai salah satu daripada skema.

Soalan ini juga memerlukan kesimpulan calon. Kebanyakan calon memberikan kesimpulan yang mudah. Ada juga calon yang tidak membuat kesimpulan yang menyebabkan mereka kehilangan dua markah.

## **Soalan 2**

Soalan (a) mengkehendaki calon menyatakan enam perintah Allah SWT dalam ayat 77 dan ayat 78, surah al-Hajj. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat segelintir calon memberikan jawapan yang tidak tepat ini, malah ada yang langsung tidak mendapat markah.

Calon cemerlang memberikan enam fakta jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Calon sederhana hanya mampu membawa empat fakta jawapan yang tepat menyebabkan mereka kehilangan markah. Ini kerana ada jawapan yang berada di bawah skop jawapan yang sama seperti rukuk, sujud, dan tunaikan solat. Calon yang lemah bahasa Arab tidak memberikan sebarang jawapan menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah.

Jawapan yang sepatutnya ialah rukuk dan sujudlah (Tunaikanlah sembahyang yang sempurna), sembahlah tuhan kamu/beribadat, lakukanlah kebaikan, berjihadlah di jalan Allah SWT, tunaikanlah zakat, dan berpeganglah dengan agama Allah SWT.

Soalan (b) meminta calon menjelaskan maksud Islam sebagai agama yang mudah dan tidak membebankan berdasarkan petikan ayat *وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ*. Hampir tiada calon yang berjaya mendapat markah penuh. Kebanyakan calon memperolehi markah 2/6 sahaja malah ramai juga calon memperolehi markah kosong. Majoriti calon memberikan jawapan perintah-perintah dalam lingkungan keupayaan manusia dan ada keringanan (*rukhsah*) untuk keadaan sempit/darurat. Tiada calon yang memberikan jawapan tiada kerahiban dalam Islam dan Islam merangkumi cara hidup.

Antara jawapan salah yang diberikan calon ialah Islam agama yang syumul dan al-Quran diturunkan secara berperingkat; Islam tidak menzalimi seseorang untuk kembali kepada Allah seperti orang kafir yang mempunyai tatu; dan Islam agama yang selamat/agama Islam tidak diwujudkan atas dasar menyusahkan.

Jawapan yang diterima adalah perintah-perintah dalam lingkungan keupayaan manusia; Ada keringanan (*rukhsah*) untuk keadaan sempit/darurat; Tiada kerahiban dalam Islam; dan Islam merangkumi cara hidup.

Soalan (c) mengkehendaki calon membincangkan tiga perkaitan antara Nabi Ibrahim A.S. dengan kaum Muslimin. Sebahagian kecil calon berjaya mendapat markah penuh. Calon sederhana hanya dapat memberikan dua fakta jawapan berserta huraian yang baik. Majoriti calon menyatakan pembinaan kaabah yang merupakan kiblat umat Islam sebagai jawapan. Antara jawapan salah yang banyak diberikan calon ialah Nabi Muhammad SAW adalah daripada keturunan Nabi Ibrahim A.S. dan Nabi Ibrahim sangat sabar kerana sifat sabat sabar dalam diri amat diterapkan. Terdapat calon yang tidak membuat kesimpulan menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya adalah majoriti/sebahagian besar kaum Muslimin mewarisi agama Nabi Ibrahim A.S; Nabi Ibrahim A.S. menamakan umat nabi selepasnya dengan gelaran kaum muslimin; Umat Islam digalakkan berselawat ke atas Nabi Ibrahim A.S. dan keluarganya; dan Ibadah haji/qurban kaum muslimin/kaabah bersempena dengan sirah Nabi Ibrahim A.S.

### Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud petikan ayat *وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ*. Sebahagian kecil calon dapat memberikan jawapan yang tepat manakala sebahagian besar tidak dapat memberikan maksud yang tepat.

Jawapan sepatutnya ialah memperkatakan sesuatu terhadap Allah tanpa ilmu; Menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah SWT; dan Mengharamkan apa yang tidak diharamkan oleh Allah SWT.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat mesej yang ingin disampaikan oleh Allah SWT kepada umat manusia berdasarkan ayat 31 dan ayat 32. Sebahagian besar calon memberikan jawapan yang tepat berserta dengan huraian manakala sebahagian kecil calon tidak dapat memberikan mesej yang tepat dan terdapat juga calon yang memberikan jawapan berdasarkan kepada ayat 33 (bukan ayat 31 dan ayat 32) yang menyebabkan ketirisan markah berlaku.

Jawapan sepatutnya ialah digalakkan memakai pakaian yang elok apabila ke masjid; Jangan melampaui batas dalam perkara makan dan minum; Manusia diharuskan menikmati segala rezeki yang baik; dan Hanya orang-orang yang beriman akan mendapat kebaikan diakhirat.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga implikasi perbuatan dosa kepada individu. Aras soalan tidak terlalu sukar dan ramai calon dapat menjawab dengan betul. Kebanyakan calon dapat memberikan isi yang tepat tetapi kebanyakan calon memberikan isi jawapan yang berulang menyebabkan mereka kehilangan markah. Antara jawapan calon seperti jauh dari rahmat Allah, tidak

diredhai Allah, dan tidak mendapat keberkatan daripada Allah. Jawapan seperti ini tepat namun dikategorikan sebagai jawapan satu isi sahaja. Soalan ini juga memerlukan huraian dan kesimpulan calon. Kebanyakan calon memberikan huraian kesimpulan dengan baik.

Jawapan sepatutnya ialah pertama, individu akan jauh daripada rahmat Allah SWT. Kedua, individu akan hilang ketenteram jiwa atau berasa gelisah dan ketiga, individu akan dihumban ke dalam neraka jika tidak mendapat keampunan daripada Allah SWT.

## **BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam***

### **Soalan 4**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan tiga golongan yang dimurkai Allah SWT.

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan baik dan tepat. Tiga golongan yang dimurkai Allah SWT ialah orang tua yang berzina; Orang fakir yang sombong; dan Orang kaya yang zalim.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga golongan yang dicintai Allah SWT. Ramai calon tidak mendapat markah yang penuh disebabkan kesalahan pada huraian yang tidak merujuk kepada hadis.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Orang yang bersedekah secara sembunyi, iaitu memberikan sedekah secara sembunyi ketika mana orang lain menolaknya/tidak membantu dan tidak ada orang yang mengetahuinya kecuali Allah SWT.
- (ii) Orang yang bangun beribadah pada malam hari, iaitu bermunajat dan membaca al-Quran ketika orang lain sedang nyenyak tidur.
- (iii) Orang yang berjihad dengan bersungguh-sungguh menghadapkan dadanya/terus mara dalam peperangan walaupun pasukannya telah hancur sehinggalah mencapai kemenangan atau gugur syahid.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga cara yang perlu dilakukan untuk mengelakkan diri daripada menjadi golongan الشيخ الزاني. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik terhadap tiga cara yang perlu dilakukan untuk mengelakkan diri daripada menjadi golongan tersebut. Kebanyakan calon memberikan kesimpulan yang mudah dengan sekadar mengulangi fakta yang telah diberikan.

Jawapannya ialah sentiasa menundukkan pandangan; Tidak pergi ke tempat maksiat; Menjaga pergaulan terutamanya dengan ajnabi; Berpuasa jika tidak dapat menahan nafsu; Berkahwin lagi jika mampu; dan Mendekatkan diri kepada Allah SWT/beribadah/membaca al-Quran.

### **Soalan 5**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud ungkapan hadis bergaris yang berkenaan cara jual beli yang dilarang dalam Islam. Calon yang lemah majoritinya tidak mendapat markah kerana memberikan terjemahan yang salah terhadap potongan hadis tersebut. Terdapat juga sebahagian calon yang membiarkan soalan tersebut ditinggal kosong tanpa jawapan.

Calon sederhana menjawab satu ungkapan hadis, iaitu janganlah kalian menahan perahan susu kambing. Majoriti calon sederhana dilihat menulis jawapan secara rambang bagi soalan (a) i dan (a) ii.

Calon cemerlang mampu menjawab dua atau tiga ungkapan hadis dengan baik, iaitu janganlah kalian menghalang rombongan dagang, janganlah orang kota menjadi orang tengah yang membeli dari orang desa, dan janganlah kalian menahan perahan susu kambing.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana Islam menjaga kebajikan pengguna dalam urusan jual beli. Kebanyakan calon menjawab panduan menjaga kebajikan pengguna secara umum dan undang-undang semasa. Jawapan yang popular antaranya ialah tidak mengamalkan riba dalam jual beli dan tidak menjual dengan harga yang mahal.

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik soalan ini, iaitu Islam menegah perbuatan menipu atau menyempurnakan sukatan dalam perniagaan, menegah manipulasi harga barang dan mengharuskan *khiyar* dalam jual beli. Kebanyakan calon yang cemerlang dapat menghuraikan isi yang ditulis dengan baik.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga cara seorang peniaga dapat menjadikan perniagaannya satu ibadah. Kebanyakan calon kurang memahami kehendak soalan yang ditanya. Ramai calon yang memberi jawapan berkaitan perniagaan yang berasaskan peralatan beribadah serta panduan umum perniagaan dalam Islam. Antara jawapan yang ditemui ialah menjual peralatan seperti sejadah, buku-buku agama, dan peralatan umrah. Ada juga calon memberikan jawapan berlaku jujur dalam timbangan, berlaku jujur, dan tidak menipu.

Namun begitu, sebahagian kecil calon yang sederhana dan cemerlang mendapat markah dengan mengemukakan jawapan berniaga dengan berniat kerana Allah dan bersedekah melalui hasil keuntungan perniagaan serta tidak mengamalkan riba dalam urusan jual beli. Calon-calun yang berjaya mengemukakan isi berkenaan majoritinya dapat menghuraikan isi mereka dengan baik.

Jawapan sepatutnya ialah perbetulkan niat kerana Allah, menjalankan perniagaan mengikut landasan syariah dan tidak meninggalkan ibadan solat, menutup aurat berserta dengan kesimpulan yang munasabah.

## Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *ijmali* ungkapan hadis yang bergaris, iaitu:

أَتَحْمِلُ أَمْرَكُمْ حَيًّا وَمَيْتًا؟ لَوَدِدْتُ أَنْ حَظَيْ مِنْهَا الْكَفَافَ، لَا عَلَيَّ وَلَا لِي، فَإِنْ أَسْتَخْلَفَ فَقَدْ اسْتَخْلَفَ مِنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي يَعْنِي أبا بَكْرٍ.

Sebahagian besar calon tidak dapat menerangkan maksud *ijmali* hadis dengan baik manakala sebahagian kecil calon dapat menerangkan maksud ungkapan hadis dengan tepat. Kebanyakan calon menjawab berdasarkan takwilan sendiri sehingga mengakibatkan markah mereka dipotong kerana tidak memberikan maksud yang sebenar.

Jawapan sepatutnya ialah patutkah aku menanggung beban urusan kamu semasa hidup dan selepas mati? Aku ingin tugasku selesai dan aku tidak dibebankan atau tidak mendapat kelebihan. Jika aku melantik pengganti, maka itu pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik daripada aku, iaitu Abu Bakar.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana para sahabat memahami bahawa Saidina Umar yang tidak akan mencalonkan penggantinya berdasarkan hadis. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat, namun mampu memberikan huraian yang menghampiri jawapan sebenar yang menunjukkan sebab Saidina Umar tidak mencalonkan penggantinya.

Jawapan yang sepatutnya ialah Khalifah Umar tidak mahu memikul beban daripada pengganti yang dicalonkan; Khalifah Umar menyebut bahawa Rasulullah SAW sendiri pun tidak mencalonkan sesiapa; dan Khalifah Umar ingin tugasnya selesai dengan tidak terkait dengan orang lain.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga kaedah pelantikan pemimpin dalam sistem khalifah. Kebanyakan calon dapat menjelaskan dengan baik kaedah pelantikan pemimpin dalam sistem khalifah berserta dengan huraian. Namun terdapat juga sebahagian kecil calon yang memberikan jawapan berulang dan huraian yang tidak tepat kerana tidak dapat membezakan di antara syura umum dengan syura khusus sehingga menyebabkan mereka kehilangan markah. Soalan ini juga memerlukan kesimpulan calon. Kebanyakan calon memberikan kesimpulan dengan baik.

Jawapan sepatutnya ialah pertama, syura umum, iaitu pemilihan orang ramai. Kedua, wasiat oleh pemimpin terdahulu. Ketiga, syura khusus, iaitu pemilihan daripada jawatankuasa terpilih.



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)